

03/03/2003

Dana Khas Terengganu mungkin dihentikan

KUALA TERENGGANU: Kerajaan Pusat memutuskan untuk memberhentikan bantuan Dana Khas kepada rakyat di negeri ini sekiranya Barisan Nasional (BN) kalah pada pilihan raya umum akan datang.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata keputusan menghentikan bantuan itu diambil kerana kelantangan pemimpin kerajaan Pas negeri yang mendakwa Dana Khas itu disalurkan selepas parti berkenaan berjaya memerintah Terengganu.

Beliau berkata, bagaimanapun, keputusan Kerajaan Pusat menghentikan peruntukan Dana Khas bukanlah satu ugutan.

Bagaimanapun, katanya, ia akan menjadi kenyataan sekiranya rakyat masih memilih Pas pada pilihan raya akan datang.

Katanya, pemimpin Pas termasuk Menteri Besarnya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, tidak pernah berusaha apatah lagi mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Pusat meminta bantuan kewangan disalurkan kepada rakyat sejak memerintah negeri ini lebih tiga tahun lalu.

"Peruntukan Dana Khas yang melebihi RM30 juta setahun disalurkan terus kepada rakyat kerana usaha dan kerja keras pemimpin Umno di negeri ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan majlis pemimpin bersama rakyat di Sekolah Kebangsaan (SK) Losong, di sini, petang kelmarin.

Muhammad berkata, pemimpin Pas bukan saja tidak berusaha mengeratkan hubungan dengan pemimpin tertinggi BN termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malah menjadikan pemimpin Kerajaan Pusat sebagai bahan maki hamun dalam ceramah anjuran parti itu.